

Headline	Kelantan tak boleh lepas tangan		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	03 Mar 2017	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	51	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	278 cm <sup>2</sup>
Journalist	ROSMIZA KASIM	AdValue	RM 1,947
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,842



# Kelantan tak boleh lepas tangan

Perlu bertanggungjawab dengan peningkatan jumlah penghidap HIV akibat hubungan sejenis, seks rambang

**ROSMIZA KASIM**

**KOTA BHARU** - Kerajaan negeri perlu bertanggungjawab terhadap peningkatan jumlah penghidap HIV yang berpunca daripada hubungan sejenis dan seks rambang.

Timbalan Pengerusi Umno Kelantan, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub berkata, trend terbaharu itu amat mengejutkan dan memalukan negeri ini memandangkan Kelantan ditadbir oleh pimpinan ulama.

Sehubungan itu, Ahmad Jazlan menggesa kerajaan negeri untuk membendung dan merangka pelan pencegahan berikutan gejala berkenaan semakin serius di negeri ini berdasarkan pendedahan terkini Ahad lalu.

"Kita mahu Exco Kesihatan atau menteri besar sendiri menjawab perkara ini di dalam Sidang Dun Kelantan yang akan berlangsung bulan ini.

"Kita nak tahu secara jelas apakah tindakan yang kerajaan negeri akan ambil dalam hal ini," katanya kepada media

di Lembah Sireh semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Hari terbuka Asrama Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) Kota Bharu yang turut dihadiri Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Ahmad Razin Datuk Ahmad Mahir.

Ahmad Jazlan yang juga Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berkata, kerajaan negeri tidak boleh lepas tangan dalam isu tersebut dengan menyerahkannya kepada kerajaan pusat sahaja.

"Kita sudah lakukan banyak program kesedaran, macam-macam kita buat, tetapi kerajaan negeri mesti melihatnya dengan jelas atau tidak retorik dalam isu ini," katanya.

Ahad lalu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Nasir Kujat memaklumkan, sejak 2015 hingga tahun lalu, sebanyak 120 kes HIV direkodkan di Kelantan dengan 90 daripadanya disebabkan seks rambang manakala 30 lagi

berpunca hubungan sejenis.

Mengulas lanjut, Ahmad Jazlan secara sinisnya berkata, sepatutnya gejala terbaharu itu tidak berlaku di negeri yang terkenal dengan jolokan Serambi Mekah ini.

Pada masa sama, Ahmad Jazlan juga mengangap jawapan balas Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah yang meletakkan kedudukan Kelantan bersempadan dengan Thailand antara punca berlakunya perkara itu, adalah amat melucukan.

"Kenyataan beliau tidak boleh diterima, ini retorik dan tidak berasas. Saya nak tanya timbalan menteri besar, kalau dia berjiran dengan perompak dan sekiranya anak dia mencuri adakah beliau akan salahkan jiran. Atau dia tidak tahu jaga anak," katanya.

Kelmarin juga Kerajaan Kelantan mengangap tidak adil jika perkara itu dijadikan isu tanpa melihat kepada peratusan kes-kes seumpamanya di negeri lain dan perlu menilai penyebabnya.



Ahmad Jazlan (tengah) bergambar bersama warga KPTM Kota Bharu semalam.